



Kos perubatan semakin
meningkat setiap tahun.
Ambil langkah proaktif untuk
insurans perubatan anda.

Allianz memberikan anda fleksibiliti untuk mengambil langkah proaktif dalam kos insurans perubatan anda dan penjimatan lebih melalui pelbagai pilihan fleksibel.

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad 198301008983 (104248-X)

Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia
Ahli PIDM

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur PIDM TIPS atau hubungi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Perlindungan perubatan fleksibel yang membolehkan anda mengawal kewangan anda

Kos penjagaan kesihatan semakin meningkat di seluruh dunia, sekaligus memberi kesan kepada premium insurans. Walau bagaimanapun, kami memahami bahawa kesihatan anda kekal sebagai aset yang paling berharga untuk anda.

Memperkenalkan HealthAssured, rider perubatan yang menawarkan:

- Perlindungan yang komprehensif dan boleh diharap – Memastikan perlindungan yang berterusan
- Fleksibiliti kewangan - Membantu anda mengawal perbelanjaan anda
- Ketenangan fikiran – Supaya anda dapat kekal fokus untuk urusan yang penting



Kenapa memilih HealthAssured?

HealthAssured memastikan insurans kekal mampu milik dan boleh dipercayai, sambil memberikan anda fleksibiliti dan perlindungan yang komprehensif.



Manfaat Selamat Datang

Dapatkan diskaun Kos Insurans (COI) serta-merta sebanyak 20% seurus selepas pendaftaran.



Manfaat Tiada Tuntutan

Terus nikmati diskaun COI sebanyak 20% dari tahun ke tahun sekiranya anda tidak membuat sebarang tuntutan.



Pilihan Penjimatan Kos yang Fleksibel

Sesuaikan tahap insurans bersama anda dengan premium lebih rendah dan perbelanjaan dari poket yang lebih mudah untuk diuruskan.



Had Tahunan Keseluruhan yang Tinggi

Nikmati perlindungan sehingga RM3 juta untuk pelan ini.



Tiada Had untuk Bilik Hospital & Penginapan

Tiada had untuk bilangan hari yang anda boleh tuntutan!



Penjagaan Kanser yang Diperibadikan

Kenal pasti pilihan rawatan terbaik melalui ujian genomik yang paling terkini.



Ketenangan untuk Anda, Perlindungan untuk Orang Tersayang

Sekiranya berlaku perkara yang tidak dijangka, Manfaat Perkabungan akan dibayar bagi membantu meringankan beban kewangan serta memberikan sokongan penting apabila ia paling diperlukan.

Dengan HealthAssured—anda mendapat yang terbaik dengan penjimatan kos dan perlindungan yang boleh diharap. Ambil langkah proaktif terhadap kesihatan anda dan jamin masa depan anda dengan Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Allianz") hari ini!

2 Kaedah baharu untuk mengurus kos insurans dengan HealthAssured

1

Menerima Manfaat Selamat Datang & Manfaat Tiada Tuntutan

Daftar dengan HealthAssured dan nikmati diskaun 20% ke atas COI anda dari permulaan.

Diskaun COI 20% akan kekal dengan Manfaat Tiada Tuntutan, selagi anda tidak membuat sebarang tuntutan sepanjang Tempoh Semakan. Sekiranya anda ada membuat tuntutan, diskaun COI 20% tersebut akan dihentikan selama dua tahun. Tapi jangan risau! Jika anda tidak membuat tuntutan selama dua tahun berturut-turut, anda akan mendapat semula diskaun COI 20% tersebut pada tahun ketiga.



Sebagai contoh:


Fara, 30, bukan perokok. Dengan kos perubatan yang semakin meningkat, Fara mencari cara lebih bijak untuk kekal dilindungi. Fara tahu dengan amalan gaya hidup sihatnya, bermakna tuntutan pun akan berkurangan, dia berminat dengan Manfaat Selamat Datang dan Manfaat Tiada Tuntutan daripada HealthAssured untuk penjimatan jangka masa panjang dengan premium yang lebih rendah. Beliau memilih pelan ini dengan insurans bersama sebanyak 15%, disertakan dengan Allianz AssuredLink, yang memberikan perlindungan sebanyak RM50,000 sehingga umur 70 tahun, satu dana terurus 100%, dan pilihan pembayaran premium bulanan.

Penjelasan tentang Premium:

Premium asal Fara adalah sebanyak RM270. Selepas pendaftaran, Fara menikmati diskaun COI 20% ke atas Manfaat Selamat Datang, di mana premium bulannya menjadi RM220. Ini membolehkannya jimat RM50 sebulan selagi beliau tidak membuat sebarang tuntutan.



Bagaimana Manfaat Selamat Datang dan Manfaat Tiada Tuntutan berfungsi untuk Fara



2 Kaedah baharu untuk mengurus kos insurans dengan HealthAssured

2

Pilihan Penjimatan Kos yang disesuaikan mengikut keperluan anda

Insurans bersama adalah pilihan penjimatan kos yang fleksibel, di mana anda dan syarikat insurans berkongsi perbelanjaan perubatan berdasarkan peratusan tetap. Dengan HealthAssured, anda boleh memilih antara 5% atau 15% insurans bersama, membolehkan anda menyesuaikan pelan mengikut keperluan kewangan anda.



Sebagai contoh:
Pasangan kembar, Daniel dan Sam, sedang mencari pelan perubatan untuk menangani kenaikan kos dan mengukuhkan perlindungan mereka. Mereka mendapati bahawa Pilihan Penjimatan Kos HealthAssured sepadan dengan matlamat kewangan mereka, memberikan fleksibiliti yang mereka perlukan.



Daniel
Kembar sulung,
mengutamakan keluarga



Sam
Kembar bongsu,
bujang


		Daniel	Sam
		Kembar sulung, mengutamakan keluarga	Kembar bongsu, bujang
Gaya Hidup		- Aktif dan sihat - Sudah bekerja 3 tahun di syarikat SME - Komitmen kewangan: rumah, kereta dan anak-anak	- Aktif dan sihat - Baru bekerja selepas mendapat Ijazah Sarjana
Pilihan Penjimatan Kos		Daniel memilih pelan ini dengan insurans bersama sebanyak 15% (maksimum RM2,500 setiap tahun)	Sam memilih pelan ini dengan insurans bersama sebanyak 5% (maksimum sebanyak RM1,000 setiap tahun)
Peristiwa		1 Mac 2025 Daniel and Sam masing-masing membeli insurans pada masa yang sama.	
		Lebih menjimatkan untuk jangka masa panjang berbanding dengan pelan yang beliau miliki sebelum ini yang tanpa Insurans bersama	Perbelanjaan awal dari poket sendiri yang lebih rendah berbanding dengan bil perubatan yang tinggi
		1 Mei 2028 - Perlu menjalani prosedur perubatan yang tidak dijangka - Bil perubatan: RM30,000 - Daniel membayar RM2,500, manakala HealthAssured menanggung RM27,500	1 Jun 2028 - Kaki kiri tercedera dalam perlawanan bola sepak dan memerlukan penghospitalan - Bil perubatan: RM25,000 - Sam membayar RM1,000, manakala HealthAssured menanggung RM24,000
		14 Okt 2028 - Dimasukkan ke hospital akibat serangan sakit jantung - Bil perubatan: RM2,000,000 - ditanggung sepenuhnya oleh HealthAssured kerana had tahunan telah dicapai. Daniel tidak perlu membayar sebarang perbelanjaan dari poket sendiri	14 Ogos 2028 - Jatuh sakit dan memerlukan penghospitalan - Bil perubatan: RM50,000 - ditanggung sepenuhnya oleh HealthAssured kerana had tahunan telah dicapai. Sam tidak perlu membayar sebarang perbelanjaan dari poket sendiri
		1 Jan 2029 Had Tahunan Keseluruhan sebanyak RM3,000,000 diperbaharui untuk perlindungan yang berterusan	1 Jan 2029 Had Tahunan Keseluruhan sebanyak RM3,000,000 diperbaharui untuk perlindungan yang berterusan
Ringkasan		Penjimatan Bijak dengan Insurans Bersama yang lebih Tinggi: - Perkongsi kos terlebih dahulu pada peratusan tetap - Insurans bersama yang lebih tinggi memberikan penjimatan jangka masa panjang yang lebih besar, terutama dengan amalan gaya hidup yang sihat	Pengurusan Kewangan yang lebih Baik: - Menetapkan peratusan insurans bersama terlebih dahulu untuk pengurusan kewangan yang lebih baik - Mengehadkan perkongsi kos untuk mengelakkan bil perubatan yang membebakan - Membantu perancangan kewangan yang lebih baik serta keselamatan masa hadapan.

Adakah anda tertanya-tanya seperti mereka?

Bilakah Pilihan Penjimatan Kos tidak diguna pakai?

Jangan risau! Dalam keadaan tertentu, insurans bersama tidak akan diguna pakai, termasuk:

1. Rawatan Kecemasan, termasuk kes Kemalangan
2. Manfaat Rawatan Kanser Pesakit Luar
3. Manfaat Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar
4. Rawatan yang diterima di Kemudahan Penjagaan Kesihatan Kerajaan



Adakah COI sama dengan premium?

Tidak, COI tidak sama dengan premium.

Premium yang dibayar akan dibahagikan kepada:

Premium Diperuntukkan

Dilaburkan ke dalam dana unit untuk membeli unit dalam dana-dana pelaburan. Yuran dan caj, termasuk COI, Caj Perkhidmatan Bulanan dan Caj Pengurusan Dana, adalah ditolak daripada nilai akaun.

Premium Yang Tidak Diperuntukkan

Digunakan untuk menampung perbelanjaan dan komisen syarikat insurans.

Bagaimana COI dikenakan?

COI bergantung pada beberapa faktor, seperti Pilihan Penjimatan Kos, umur, jantina, status kesihatan, kelas pekerjaan dan sebagainya.

Apa yang ditentukan ketika Tempoh Semakan?

Tempoh Semakan menentukan sama ada anda layak untuk menikmati diskaun 20% Manfaat Tiada Tuntutan ke atas COI secara berterusan.

Perkhidmatan Tambahan*

Perkhidmatan Tambahan kami direka untuk memberikan kemudahan tambahan dan sokongan untuk mempertingkatkan perlindungan anda.

Allianz Care@Home

Allianz Care@Home adalah Perkhidmatan Tambahan oleh pihak ketiga yang dilantik oleh kami bagi menyediakan penjagaan perubatan kepada Orang yang Diinsurankan di rumah mereka sendiri, tertakluk pada terma dan syarat kami. Tertakluk pada kelulusan kami, Orang yang Diinsurankan berhak untuk menuntut manfaat yang terpakai kepada pesakit dalam, dibawah Manfaat Penghospitalan dan Pembedahan, serta Manfaat Pendapatan Hospital (jika ada).

**Kami berhak untuk meminda terma-terma dan syarat-syarat Perkhidmatan Tambahan atau menamatkannya dengan memberikan anda notis bertulis satu (1) bulan sebelum tarikh kuat kuasa pindaan atau penamatan.*

Nota: Untuk senarai lengkap Perkhidmatan Tambahan di bawah produk ini, sila rujuk pada laman web Allianz.

Pengunderaitan

		Minimum	Maksimum
Had Umur Kemasukan Orang yang Diinsurankan (Umur Hari Lahir Terdekat)	Dalam kandungan	13 minggu kehamilan	36 minggu kehamilan
	Kanak-kanak / Dewasa	Umur 15 hari	Umur 70 tahun
Tempoh Perlindungan	Pembaharuan terjamin sehingga umur 100 tahun		



Jadual Manfaat

Manfaat Diinsuranskan	(RM)
Had Tahunan Keseluruhan	3,000,000
Had Sepanjang Hayat Keseluruhan	Tiada
Pilihan Penjimatan Kos Terpakai untuk Manfaat A hingga D, kecuali untuk keadaan seperti berikut: 1. Rawatan Kecemasan, termasuk kes Kemalangan; 2. Manfaat Rawatan Kanser Pesakit Luar; 3. Manfaat Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar; 4. Rawatan yang diterima di Kemudahan Penjagaan Kesihatan Kerajaan.	-5% Insurans Bersama bagi Perbelanjaan Layak, jumlah yang ditanggung oleh Pemegang Polisi sehingga RM1,000 bagi setiap Tahun Polisi; atau -15% Insurans Bersama bagi Perbelanjaan Layak, jumlah yang ditanggung oleh Pemegang Polisi sehingga RM2,500 bagi setiap Tahun Polisi
A) Manfaat Penghospitalan dan Pembedahan	
1 Bilik Hospital dan Penginapan (Tiada had bilangan hari bagi setiap Tahun Polisi, dengan syarat ia adalah Perlu Dari Segi Perubatan)	200 setiap hari
2 Unit Rawatan Rapi (Tiada had bilangan hari bagi setiap Tahun Polisi, dengan syarat ia adalah Perlu Dari Segi Perubatan)	Mengikut bayaran dikenakan, tertakluk pada Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan*
3 Manfaat Penginap (Tiada had bilangan hari bagi setiap Tahun Polisi, dengan syarat ia adalah Perlu Dari Segi Perubatan)	100 setiap hari
4 Bekalan dan Perkhidmatan Hospital	Mengikut bayaran dikenakan, tertakluk pada Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan*
5 Bayaran Pembedahan	
6 Bayaran Pakar Bius	
7 Bayaran Bilik Bedah	
8 Bayaran Ambulans	
9 Pembedahan Penjagaan Harian	
10 Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (tertakluk pada maksimum dua (2) lawatan sehari)	
11 Ujian Diagnostik Pra-Penghospitalan (dalam tempoh masa sembilan puluh (90) hari sebelum Penghospitalan)	
12 Konsultasi Pra-Penghospitalan (dalam masa sembilan puluh (90) hari sebelum Penghospitalan - maksimum tiga (3) konsultasi Pakar Perubatan)	

13 Pemindahan Organ	Mengikut bayaran dikenakan, tertakluk pada Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan*
14 Pembayaran Balik Perbelanjaan Laporan Perubatan	Sehingga 500 setiap Tahun Polisi

Manfaat Diinsuranskan	(RM)
B) Manfaat Selepas Penghospitalan	
1 Rawatan Selepas Penghospitalan (dalam masa seratus lapan puluh (180) hari berikutan keluar dari Hospital)	Mengikut bayaran dikenakan, tertakluk pada Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan*
2 Penjagaan Kejururawatan di Rumah (dalam masa seratus lapan puluh (180) hari berikutan keluar dari Hospital)	Sehingga 10,000 setiap Tahun Polisi
3 Rawatan Fisioterapi (dalam masa seratus lapan puluh (180) hari berikutan keluar dari Hospital)	Sehingga 6,000 setiap Tahun Polisi
4 Bayaran Balik untuk Kiropraktik, Kiropodi, Homeopati, Osteopati atau Akupunktur (dalam masa seratus lapan puluh (180) hari berikutan keluarnya dari Hospital)	Sehingga 2,000 setiap Polisi Tahun

* Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan adalah berdasarkan pada Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 di Malaysia, termasuk apa-apa pindaan berikutnya atau enakmen terhadapnya.

Manfaat Diinsuranskan		(RM)
C) Manfaat Rawatan Pesakit Luar		
1	Rawatan Pesakit Luar bagi Kemalangan dan tiga puluh (30) hari rawatan susulan	Sehingga 2,000 setiap Tahun Polisi
2	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar (<i>termasuk konsultasi, ujian pemeriksaan dan Ubat yang Dipreskripsikan</i>)	Mengikut bayaran dikenakan, tertakluk pada Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan*
3	Rawatan Denggi atau Demam Enterik Pesakit Luar (<i>termasuk konsultasi, ujian pemeriksaan dan Ubat yang Dipreskripsikan</i>)	
4	Manfaat Rawatan Kanser	Mengikut bayaran dikenakan, tertakluk pada Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan*
	Rawatan Kanser Pesakit Luar (<i>radioterapi, kemoterapi, terapi bertarget, terapi hormon atau imunoterapi termasuk konsultasi, ujian pemeriksaan dan Ubat yang Dipreskripsikan</i>)	
	Ujian Genomik untuk Kanser	
	Pencitraan Pesakit Luar (MRI/PET)	
5	Kanta Intraokular	Mengikut bayaran dikenakan, tertakluk pada Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan*^

Manfaat Diinsuranskan		(RM)
D) Manfaat Lain		
1	Pendapat Perubatan Kedua	Sehingga 2,000 setiap Tahun Polisi
2	Keadaan Kongenital Orang yang Diinsuranskan	Tidak Berkenaan
	Dikenal pasti atau didiagnosis sebelum Orang yang Diinsuranskan mencapai umur tujuh belas (17) tahun.	
	Dikenal pasti atau didiagnosis selepas Orang yang Diinsuranskan mencapai umur tujuh belas (17) tahun.	Mengikut bayaran dikenakan, tertakluk pada Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan*
E) Manfaat Perkabungan		
3	Kematian (tertakluk pada Klausula Bunuh Diri)	50,000
F) Manfaat Pilihan		
4	Manfaat Pendapatan Hospital (<i>maksimum tiga puluh (30) hari setiap Tahun Polisi</i>)	100 setiap hari

* Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan adalah berdasarkan pada Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 di Malaysia, termasuk apa-apa pindaan berikutnya atau enakmen terhadapnya.

^ Bagi tuntutan pada kanta (bukan torik) monofokal sahaja. Sekiranya terdapat sebarang tuntutan pada kanta intraokular selain daripada kanta (bukan torik) monofokal, semua tuntutan yang dibuat sebelum ini dan akan dibuat di bawah manfaat ini akan dihadkan pada RM3,000 setiap mata setiap pembedahan.

Pengecualian

Produk ini tidak akan membayar apa-apa manfaat yang ditimbulkan atau dipercepatkan, secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagiannya oleh:

1. Keadaan Sedia Ada.
2. Penyakit Tertentu yang berlaku dalam Tempoh Menunggu, sama ada diakibatkan oleh Kemalangan atau tidak.
Definisi Tempoh Menunggu:
 - a. tempoh tiga puluh (30) hari pertama untuk apa-apa Hilang Upaya selain daripada Penyakit Tertentu; atau;
 - b. tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama untuk Penyakit Tertentu,dari Tarikh Terbitan, Tarikh Pengembalian Semula, tarikh lahir Orang Yang Diinsuranskan atau tarikh berkuat kuasa penukaran atau peningkatan pelan, mana-mana yang lebih lewat, di mana sebarang Hilang Upaya, Penyakit Tertentu, atau Penyakit Sedia Ada yang timbul, berlaku, muncul atau ditemui tidak boleh dituntut di bawah produk ini.
3. Apa-apa Hilang Upaya yang berlaku dalam Tempoh Menunggu kecuali untuk Kecederaan akibat Kemalangan.
4. Pembedahan dan/ atau rawatan yang berkaitan kepada tujuan plastik/kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan rabun dekat melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomy Radial atau Lasik) dan sebarang preskripsinya.
5. Penggunaan atau pemerolehan kesemua jenis alat prostetik luaran, alat luaran, atau alat pembetulan anggota, termasuk tetapi tidak terhad pada anggota tiruan, alat pendengaran, perentak, dan pendakap, dan sebarang preskripsinya.
6. Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau Pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan akibat Kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam tempoh perlindungan.
7. Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, kemabukan, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) dan Penyakit berkaitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV), dan apa-apa Penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.
8. Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatal, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuburan, disfungsi erektel dan ujian atau rawatan berkaitan kemandulan atau pensterilan.
9. Penghospitalan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau apa-apa rawatan yang Tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan, dan hiperhidrosis.
10. Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan dalam keadaan siuman atau tidak siuman.
11. Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bertugas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau pemberontakan.
12. Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear.

13. Belanja yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh badan oleh Orang yang Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya.
14. Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi pilihan (kecuali rawatan alternatif yang dinyatakan dalam peruntukan Bayaran Balik untuk Kiropraktik, Kiropodi, Homeopati, Osteopati atau Akupunktur) seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad pada khidmat akutekanan, refleksologi, pembetulan tulang, rawatan pakar herba,urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain.
15. Jagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak dikehendaki atau setakat yang ia dibayar oleh mana-mana insurans lain atau tanggung rugi yang melindungi Orang yang Diinsuranskan dan Hilang Upaya yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja.
16. Kos/perbelanjaan bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/ pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak.
17. Sakit atau Kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad pada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti haram.
18. Penerbangan peribadi selain dalam mana-mana penerbangan komersial berjadual untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
19. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantung.
20. Rawatan Eksperimental yang mana keselamatan dan kebolehpercayaan tidak diiktiraf oleh pihak berkuasa perubatan (Kementerian Kesihatan) di Malaysia.
21. Psikotik, Psikiatri, gangguan mental atau saraf, (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
22. Sebarang rawatan atau operasi pembedahan bagi keadaan yang berkaitan dengan kelahiran pramatang dan Jaundis neonatal.
23. Sebarang rawatan atau operasi pembedahan untuk Keadaan Kongenital atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan yang telah wujud atau didiagnosis sebelum Orang yang Diinsuranskan mencapai umur tujuh belas (17) tahun.

Peruntukan Pengecualian Risiko tidak terpakai kepada Manfaat Perkabungan. Walau bagaimanapun, pembayaran Manfaat Perkabungan tertakluk pada Klausa Bunuh Diri seperti yang dinyatakan di bawah:

- Sekiranya Orang yang Diinsuranskan, sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman, membunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Kuat Kuasa atau Tarikh Penguatkuasaan Semula Kontrak Tambahan, yang mana terkemudian, Kontrak Tambahan akan ditamatkan dan tiada sebarang manfaat akan dibayar di bawah Kontrak Tambahan.

Nota Penting

Risalah ini hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja dan maklumat yang disertakan adalah tidak komprehensif atau menyeluruh. Anda perlu merujuk kepada Lembaran Pendedahan Produk (PDS) dan Ilustrasi Penjualan (SI) untuk maklumat lanjut. Kedua-dua PDS dan SI boleh diperolehi daripada ejen perkhidmatan anda.

COI yang perlu dibayar adalah tidak terjamin dan adalah tertakluk pada semakan semula pada masa akan datang. Pelarasan dalam COI, jika ada, bertujuan untuk menggambarkan pengalaman tuntutan kami, kos rawatan perubatan, inflasi perubatan, dan kemajuan teknologi perubatan. Senarai ini tidak menyeluruh dan kadar COI juga boleh disemak di bawah keadaan lain yang dibenarkan. Perubahan sedemikian, jika ada, akan terpakai kepada semua Pemegang Polisi tanpa mengira tempoh polisi dan pengalaman tuntutan mereka. Kami berhak untuk menyemak semula kadar, manfaat, terma dan syarat, dan anda akan dimaklumkan secara bertulis mengenai semakan tersebut sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum Ulang Tahun Perubatan.

Anda harus memastikan bahawa produk ini adalah paling sesuai untuk keperluan anda, dan COI untuk produk ini di dalam kemampuan. Anda boleh membatalkan produk ini dengan memohon kepada Allianz secara bertulis dan mengembalikan Kontrak Tambahan produk ini kepada kami dalam tempoh lima belas (15) hari, dari tarikh penerimaan Kontrak Tambahan produk ini oleh anda. Amaun yang akan dikembalikan di bawah produk ini adalah COI yang ditolak untuk produk ini selepas penolakan sebarang perbelanjaan pemeriksaan perubatan yang ditanggung oleh kami.

Sila tambah kadar cukai kerajaan yang berkenaan jika Pemegang Polisi adalah pertubuhan perniagaan atau apabila Polisi diserahkan hak mutlak kepada pertubuhan perniagaan, jika berkenaan. Cukai kerajaan yang berkenaan akan berdasarkan kadar semasa dan tertakluk pada perubahan mengikut undang-undang Malaysia.

This page is intentionally left blank.
Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
此页是刻意留白的。

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad

198301008983 (104248-X)

Allianz Customer Service Centre

Allianz Arena

Ground Floor, Block 21, Plaza Sentral

Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur.

Allianz Contact Centre: 1 300 22 5542

Email: customer.service@allianz.com.my

  AllianzMalaysia

  allianz.com.my